

## **SUDUT PANDANG DAN KEFAHAMAN WARGANET TERHADAP ZAKAT SEMASA PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA BERDASARKAN TEORI PROSODI SEMANTIK**

***THE POINT OF VIEW AND UNDERSTANDING OF NETIZENS ON ZAKAT DURING THE COVID-19 PANDEMIC IN MALAYSIA BASED ON PROSODY SEMANTIC THEORY***

**Hishamudin Isam\*, Mashetoh Abd. Mutalib and Rohaya Md. Ali**

School of Languages, Civilisation and Philosophy, College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia

\*Corresponding author: din@uum.edu.my

**Published online:** 31 October 2024

**To cite this article:** Hishamudin Isam, Mashetoh Abd. Mutalib and Rohaya Md. Ali. 2024. Sudut pandang dan kefahaman warganet terhadap zakat semasa pandemik COVID-19 di Malaysia berdasarkan teori prosodi semantik. *Kajian Malaysia* 42(2): 213–235. <https://doi.org/10.21315/km2024.42.2.10>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.21315/km2024.42.2.10>

### **ABSTRACT**

*The COVID-19 pandemic has left a huge impact on economic activities, thus affecting the people. The evidence is that 1.78 million data extracted from social media is related to socioeconomic issues. One of the most talked about topics is the issue of zakat (alms) in Malaysia. Intrigued by these problems, this article aims to examine the viewpoint and understanding of the alms, especially in relation to applications and helplines, as well as the issues of confusion in the meaning and concept of alms. By using the keyword [zakat] obtained through the virtual advertising operation on Facebook data, the study examined 35,000 posts (reply comments) detected from January to June 2020. All data analysed are based on the semantic prosody theory which expresses the view that each word has its own consistent aura, thus enabling it to be transferred and its meaning attached to other words in a sentence. The results of the analysis found that both issues highlighted often showed the collocation of the word [zakat] with the words [mohon/apply], [proses/process], [konsep/concept], [makna/meaning] and [asnaf/a group of Muslims worthy of receiving Muslim tithe or]. The understanding of the collocation relationship displays two forms of difficulties in alms which are difficulty in*

*understanding the process and procedure of alms application and difficulty in understanding the concept and meaning of [zakat] and its details. The analysis also found that both issues were discussed cynically, causing misunderstanding if not properly addressed. This situation indicates that no matter how small the issue is raised, it should be taken care of in order to ensure that the alms management can be preserved in the name of Islam.*

**Keywords:** pandemic, netizens, keyword, zakat, semantic prosody

## ABSTRAK

*Pandemik COVID-19 telah meninggalkan impak yang besar sehingga memberi kesan kepada rakyat, khususnya berkaitan kegiatan ekonomi. Buktinya, 1.78 juta data yang diekstrak daripada media sosial adalah berkaitan isu sosioekonomi hasil perbualan warga internet (warganet). Isu zakat merupakan antara contoh isu panas dan tular yang sering dibicarakan oleh warganet. Bagi memahami isu tersebut, artikel ini bertujuan meneliti sudut pandang dan kefahaman warganet tentang zakat, khususnya berkaitan permohonan dan saluran bantuan, serta isu kekeliruan makna dan konsep zakat. Dengan menjadikan kata kunci [zakat] yang diperoleh melalui operasi pengiklanan maya di Facebook sebagai data, kajian ini telah meneliti 35,000 siaran (hantaran komen balas) yang dikesan mulai Januari hingga Jun 2020. Kesemua data dianalisis bersandarkan teori prosodi semantik yang mengutarakan pandangan bahawa setiap satu kata memiliki “consistent aura” yang tersendiri, sehingga mampu memindahkan dan melekapkan maknanya kepada kata lain dalam segugusan ayat. Hasil analisis mendapati kedua-dua isu yang ditonjolkan kerap memperlihat kolokasi kata [zakat] dengan kata [mohon], [proses], [konsep], [makna] dan [asnaf]. Pemahaman terhadap hubungan kolokasi tersebut memaparkan dua bentuk kesulitan warganet mengenai [zakat] iaitu kesulitan berkaitan memahami proses dan prosedur permohonan zakat dan kesulitan memahami konsep dan makna [zakat] dan perinciannya. Dapatan analisis juga mendapati kedua-dua isu tersebut dibicarakan secara sinis, sehingga mampu menimbulkan salah faham jika tidak ditangani dengan baik. Keadaan ini menunjukkan sekecil mana pun isu yang diutarakan, isu tersebut perlu diambil perhatian demi memastikan pengurusan zakat dapat dipelihara imejnya atas nama Islam.*

**Kata kunci:** pandemic, warganet, kata kunci, zakat, prosodi semantik

## PENGENALAN

COVID-19 ialah virus daripada keluarga *severe acute respiratory syndrome* (SARS) dan *Middle East respiratory syndrome coronavirus* (MERS-CoV). Virus ini dikatakan boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan sehingga mampu memberi kesan terhadap spektrum gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru (pneumonia) yang teruk (Kementerian Kesihatan Malaysia 2020). Berikutan kadar jangkitan yang semakin meningkat di seluruh dunia, banyak negara terpaksa melaksanakan dasar *lockdown*. Malaysia misalnya telah mengambil langkah drastik dengan memperkenal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang pertama bermula 18 Mac hingga 3 Mei 2020. Selepas PKP, terdapat pula Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dari 4 Mei hingga 9 Jun 2020, dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dari 10 Jun hingga 31 Disember 2020 (Majlis Keselamatan Negara 2020).

Penularan wabak yang serius hingga membawa kepada pelaksanaan dasar pergerakan tersebut telah memberi kesan yang bukan sedikit kepada ekonomi dunia termasuk Malaysia. Satu kajian khas telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) untuk meneliti kesan COVID-19 kepada ekonomi dan individu. Kajian ini dilaksanakan secara atas talian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tempoh 23 Mac hingga 31 Mac 2020, mengandungi 3 modul dan 21 soalan, dengan 168,182 responden yang berumur 15 tahun dan ke atas. Dapatan laporan menunjukkan bahawa pandemik yang telah meragut banyak nyawa ini meninggalkan impak yang besar kepada kegiatan ekonomi, sehingga menyebabkan rakyat menjadi sangat terkesan. Antara dapatan yang menunjukkan kesan tersebut adalah seperti berikut:

1. Terdapat 71.4% (lebih daripada dua per tiga) daripada responden yang bekerja sendiri mempunyai simpanan yang hanya mencukupi kurang daripada satu bulan sahaja.
2. Sebanyak 69.7% yang telah bekerja dalam tempoh kurang daripada satu tahun dan 63.2% yang bekerja dalam tempoh satu hingga tiga tahun, masing-masing mempunyai simpanan kewangan yang hanya bertahan kurang daripada satu bulan.
3. Hanya 6.2% responden kurang terkesan dari segi kewangan dalam menghadapi tempoh PKP manakala 52.6% responden menyatakan sangat terkesan dalam tempoh ini.

Rata-rata rakyat yang terkesan dengan kemelut ini menjadikan media sosial sebagai tempat meluahkan perasaan. Hal ini demikian kerana populariti media

sosial seperti Facebook mampu menjadikan sesuatu isu yang dibangkitkan tular dan mendapat perhatian ramai (Madden et al. 2005; Boase dan Kobayashi 2008; Lenhart 2009a; Lenhart et al. 2009; Lenhart et al. 2010). Melalui hantaran (*posting*) yang dilontarkan oleh seseorang pengguna dengan mengutarakan sesuatu topik, komunikasi biasanya menjadi berlarutan apabila topik tersebut mendapat respons yang baik dalam kalangan teman jaringan sosial pengguna Facebook terbabit berdasarkan bilangan komen dan kesukaan (*like*) yang tinggi (Lenhart 2009b). Menurut Jensen dan Arnett (2012), ketika inilah secara tidak langsung gagasan dan pemikiran mereka (pengguna Facebook, baik penulis hantaran maupun pemberi respons) terdedah dan terserlah melalui penggunaan bahasa yang diwakili oleh penggunaan kata, frasa, klausa maupun ayat.

Kajian oleh Berkshire Media mendapati bahawa 1.78 juta data yang diekstrak daripada alat pemantauan media sosial termasuk Facebook adalah berkaitan isu sosioekonomi (Harits 2020). Isu ini menjadi polemik dalam kalangan warganet kerana topik yang dibincangkan biasanya bersifat kontroversi (isu kes viral), terkini dan mutakhir, serta bersifat *evergreen* (isu berpanjangan) (Lenhart et al. 2010).

Laporan Astro Awani oleh Madiha (2021) mendedahkan antara isu polemik berkaitan sosioekonomi yang menarik perhatian warganet semasa pandemik ialah isu bantuan zakat. Laporan tersebut turut mendedahkan yang warganet beranggapan bahawa bantuan zakat lebih mudah diperoleh melalui kuasa tular di media sosial. Keadaan ini timbul disebabkan oleh stigma masyarakat khususnya warganet berkaitan tadbir urus pusat pungutan zakat (Ahmad Suhael 2021). Berkenaan isu tadbir urus, selain berkaitan pengurusan zakat, antara isu lain yang sering digembargemburkan oleh warganet ialah kefahaman mereka mengenai konsep zakat. Dalam membincangkan hal ini, Hamizul (2020) mengatakan selain berkaitan pelaksanaan zakat khususnya mengenai permohonan dan saluran bantuan, isu kekeliruan makna dan konsep zakat merupakan isu yang sering tular di media sosial, sehingga boleh menimbulkan unsur fitnah dan menjelaskan nama baik zakat itu sendiri. Terkesan dengan situasi tersebut, kajian ini bertujuan meneliti dan menghalusi pandangan warganet mengenai zakat, khususnya berkaitan permohonan dan saluran bantuan, serta isu kekeliruan makna dan konsep zakat dari sudut pandang dan kefahaman mereka dengan memperoleh data daripada laman media sosial iaitu Facebook.

## ZAKAT DAN PENELITIANNYA DI MALAYSIA

Kebanyakan kajian berkaitan zakat di media sosial bertumpu kepada usaha menjadikan media sosial sebagai wadah dan platform penting masa kini yang boleh

digunakan untuk memberi kefahaman berkaitan pengurusan zakat. Contohnya kajian oleh Sofia Hayati et al. (2018), Izatul dan Amin (2019), serta Nur Nazira, Hasanah dan Zulkefli (2019). Kesemua kajian ini menjadikan platform media sosial sebagai wadah untuk mendapatkan respons yang baik dalam urusan pentadbiran zakat. Walau bagaimanapun, penggunaan media sosial sebagai platform untuk mendapatkan respon masih belum dimanipulasi sepenuhnya dalam usaha meneliti permasalahan dari aspek kefahaman pengguna media sosial terhadap isu berbangkit. Misalnya kefahaman pengguna media sosial terhadap isu tadbir urus pusat pungutan zakat.

Sementara itu, kebanyakan kajian yang memfokus perbincangan mengenai makna dan konsep, khususnya berkaitan makna dan konsep [zakat] dan penerimanya iaitu [asnaf], serta pencirian asnaf, hanya meneliti makna dan konsep kata tersebut berpandukan makna leksikal, sama ada daripada makna bahasa mahupun makna literal. Contohnya kajian oleh Raziah dan Syarifah (2014), Syarifah dan Raziah (2015), Siti Fariza et al. (2016), Azman, Syed Mohd Najib dan Siti Zulaikha (2017), dan kajian oleh Azman dan Mursyid Junaidi (2019). Kesemua kajian ini menjadikan makna dan konsep [zakat] dan [asnaf] serta perincianya sebagai subjek kajian sama ada makna dan konsep tersebut dikaji secara *major* mahupun *minor*. Penelitian dibuat berdasarkan perincian makna asal kata tersebut yang kebanyakannya adalah daripada kata pinjaman bahasa Arab. Kajian bersifat dua hala patut dilaksanakan juga untuk meneliti sejauh mana pengguna memahami makna dan konsep bagi istilah-istilah tersebut ([zakat], [asnaf] dan perincian asnaf) supaya tidak timbul salah faham.

Hasil analisis kritis mendapati bahawa kebanyakan kajian tentang zakat yang memfokus kepada aspek pengurusan (peranan dan cabaran kutipan zakat) lebih menumpu kepada usaha menambah baik aspek amalan pengurusan dengan piawaian tertentu seperti aspek perakaunan, model pengurusan zakat dan perbezaan penetapan berdasarkan akta zakat negeri. Antaranya ialah seperti kajian yang dilakukan oleh Muhsin (2014), Siti Saufirah, Hairunnizam dan Sanep (2016), Fidlizan et al. (2017), Azman dan Mursyid Junaidi (2019), serta Marhanum dan Siti Alawiah (2019). Kajian yang menumpu kepada usaha menambah baik aspek amalan pengurusan dengan piawaian memang sangat diperlukan kerana usaha tersebut tentunya dapat menambah baik amalan pengurusan sedia ada. Walau bagaimanapun, usaha menambah baik juga perlu dijalankan melalui kajian yang dapat memperlihat kefahaman pengguna terhadap amalan pengurusan zakat supaya sisi keduanya baik daripada pihak pelaksana mahupun pihak pengguna supaya dapat difahami dengan lebih jelas.

Penemuan hasil analisis kritis ini menunjukkan bahawa satu kajian tentang kefahaman pengguna terhadap pengurusan zakat wajar dijalankan. Tujuannya adalah untuk meneliti dan menghalusi pandangan mereka terhadap zakat, khususnya berkaitan permohonan dan saluran bantuan, serta isu kekeliruan makna dan konsep zakat dari sudut pandang dan kefahaman mereka. Oleh sebab isu ini banyak didebak oleh warganet sehingga menjadi sensasi dan tular seperti yang dibincangkan oleh Hamizul (2020), Madiha (2021) dan Ahmad Suhael (2021), maka analisis kefahaman pengguna terhadap permohonan dan saluran bantuan, serta isu kekeliruan makna dan konsep zakat perlu diteliti dari sudut pandang dan kefahaman warganet itu sendiri. Bagi membolehkan kefahaman tersebut diperoleh daripada sumber yang lebih besar jumlahnya dan sesuai dengan keperluan kajian yang bersifat semasa, maka kaedah memperoleh dan menganalisis data perlulah sesuai dengan keperluan kajian.

## KAEDAH PENELITIAN

Secara umumnya, kajian ini meneliti dan menghalusi pandangan warganet terhadap zakat, khususnya berkaitan permohonan dan saluran bantuan, serta isu kekeliruan makna dan konsep zakat dari sudut pandang dan kefahaman mereka. Pandangan tersebut dianalisis bersandarkan penggunaan kata kunci [zakat] dalam setiap siaran (hantaran dan komen balas) di Facebook. Pemilihan kata kunci [zakat] untuk menjelaskan kefahaman warganet terhadap zakat dibuat bersandarkan kepada fahaman dalam bidang linguistik kognitif yang menyatakan sesuatu kata yang dominan digunakan dalam ayat dapat menjelaskan kefahaman keseluruhan teks tersebut (Evans dan Green 2006; Manvender et al. 2016; Winters dan Nathans 2020). Penjelasan ini berpadanan dengan pendekatan prosodi semantik yang mengutarakan pandangan bahawa setiap satu kata memiliki *consistent aura* yang tersendiri yang membolehkan kata tersebut memindahkan dan melekapkan maknanya kepada kata lain dalam segugusan ayat sehingga menyebabkan sesuatu kata boleh difahami maklumat teksnya (Stewart 2010). Berdasarkan pendekatan tersebut, terdapat dua proses yang akan diberi perhatian semasa kaedah penelitian penggunaan kata [zakat] iaitu proses pemerolehan data dan proses penganalisisan data.

Proses pemerolehan data [zakat] dijalankan menerusi operasi pengiklanan maya iaitu suatu operasi standard yang sering digunakan untuk memperoleh data daripada pangkalan data raya yang bersifat umum dan terbuka seperti Facebook (Nor Fazilah dan Hishamudin 2020). Langkah dimulakan dengan membina satu halaman (*page*) dengan tujuan mewujudkan profil penyelidik. Halaman yang dibina akan diiklankan kepada pengguna Facebook dengan tujuan mendapatkan

seramai mungkin sampel untuk keperluan kajian. Proses pengiklanan ini dijadikan sebagai teknik penyelidikan berdasarkan pertimbangan bahawa operasi pengiklanan sebegini berkesan dalam usaha mencari responden yang bersesuaian dengan ketetapan yang dibuat pembina halaman pengiklanan (Awl 2011; Tuten dan Solomon 2017). Proses mengumpul data yang dimulakan pada bulan Januari hingga Jun 2020 iaitu dengan memuat turun data (siaran) yang tertera pada dinding (*wall*) Facebook responden. Siaran (hantaran dan komen balas) dengan kata kunci [zakat] yang dimuat turun akan disalin dalam format Microsoft Word, seterusnya disimpan ke dalam satu fail (*folder*) induk penyelidik untuk tujuan analisis. Data yang telah disenarai akan diberi tanda (*tagging*) untuk mewakili profil responden.

Proses penganalisaan data [zakat] pula melibatkan tiga langkah. Langkah pertama ialah mendapatkan profil maklumat statistik bilangan kekerapan dan bilangan “keberlakuan” (*tokens*) serta kolokasi data [zakat] dengan menggunakan program daftar kata Antconc. Hasil analisis menunjukkan daripada jumlah keseluruhan siaran sebanyak 35,000, jumlah bilangan kekerapan bagi hantaran ialah sebanyak 16,156, dengan jumlah bilangan keberlakuan pula ialah sebanyak 22,169,352. Sementara itu, sebanyak 18,844 bilangan kekerapan untuk komen balas dengan sejumlah 28,618,018 bagi bilangan keberlakuan untuk siaran komen balas. Hasil analisis juga menunjukkan kolokasi terhampir kata kunci [zakat] ialah kata [mohon], [proses], [konsep], [makna], [kutip] dan [asnaf]. Jadual 1 memaparkan jumlah bilangan kekerapan, bilangan keberlakuan, kolokasi dan kolokasi terhampir bagi data [zakat] yang dianalisis.


Jadual 1: Bilangan kekerapan, bilangan keberlakuan, kolokasi dan kolokasi terhampir bagi data [zakat] di Facebook

Siaran	Bilangan kekerapan ( <i>frequency</i> )	Bilangan keberlakuan ( <i>tokens</i> )	Kolokasi	Kolokasi terhampir
Hantaran	16,156	22,169,352	4,872	Mohon, proses, konsep, makna, asnaf, kutip
Komen balas	18,844	28,618,018	6,978	Mohon, asnaf, kutip, konsep, proses, makna

Seterusnya ialah dengan melakukan proses pengklasifikasian. Setiap data yang telah dikenal pasti, diklasifikasikan secara manual kepada dua kategori yang dibina berdasarkan prinsip kognitif (Taylor 1995) dengan meneliti ciri-ciri persamaan bentuk penggunaan atau kesepunyaan seperti persamaan bentuk, saiz dan bahan, serta aspek atribut atau sifat sesuatu objek. Kategori pertama ialah kategori pengurusan zakat dan kategori kedua ialah kategori kekeliruan makna dan konsep zakat. Bagi setiap kategori, setiap data juga diklasifikasi lagi kepada

kelompok yang lebih terperinci, juga berdasarkan prinsip kognitif, dengan meneliti kolokasi terhampir, untuk memudahkan penjelasan kefahaman warganet terhadap penggunaan kata [zakat]. Memandangkan langkah penganalisisan data dijalankan secara manual, maka hasil analisis perlu disemak beberapa kali sebelum disemak semula oleh seorang pakar untuk tujuan semakan keabsahan (*validity check*) dan semakan keandalan (*reliability check*) (Carmines dan Zeller 1979; Creswell 2008; Kanestion et al. 2016).

Langkah terakhir ialah dengan menjalankan proses pengesanan maklumat teks bagi kata [zakat]. Pengesanan dibuat bersandarkan kepada teori prosodi semantik (Stewart 2010). Teori ini menggagaskan bahawa sesuatu kata boleh dikenal pasti dan dikesan maklumat teksnya melalui dua proses iaitu proses lekapan makna (*attached meaning*) dan pemindahan makna (*transferred meaning*). Lekapan makna ialah proses atau keadaan bagi sesuatu kata yang memperoleh maklumat (misalnya makna atau nilai) hasil daripada lekapan kata lain yang bergabung, berdekatan atau berkolokasi dengan kata tersebut. Sesuatu yang bersifat melekap, biasanya melibatkan proses perpindahan daripada suatu lokasi kepada suatu lokasi yang lain. Dalam pendekatan prosodi semantik, proses lekapan sesuatu kata telah menyebabkan wujudnya unsur pemindahan makna yang dijelaskan sebagai “*meanings are ‘attached, taken on, or acquired’ would suggest that they have arrived from elsewhere, and there is no doubt that the idea of semantic transfer is crucial to a great many descriptions of semantic prosody*” (Stewart 2010, 42). Kedua-dua unsur ini banyak bergantung kepada pengalaman badaniah atau *embodiment* seseorang yang memahami makna sesuatu kata dan mempunyai pengalaman daripada penggunaan kata tersebut. Sebagai contoh, analisis data bagi kata [zakat] bersandarkan teori prosodi semantik seperti yang tertera pada Rajah 1.



Rajah 1: Analisis kata [zakat] bersandarkan teori prosodi semantik.

Dalam Rajah 1, kata [zakat] berkolokasi dengan kata daripada baris span kanan iaitu [suruh], [aku], [isi], [nak] dan [mohon]. Berlaku pemindahan dan lekapan makna daripada [zakat] yang membawa impak makna bantuan (berdasarkan prinsip *embodiment*) kepada [suruh], [aku], [isi], dan [nak] apabila baris konkordans tersebut membekalkan banyak lagi maklumat daripada kata lain yang

turut menyumbang makna, kesan pemindahan dan lekapan makna tersebut kepada perlakuan [mohon]. Proses [mohon] bantuan (zakat) tersebut boleh dianggap mengalami kesukaran kerana untuk menjayakannya, pelaku ([aku]) perlu mengisi borang. Isunya, pelaku tidak berani (berdasarkan frasa *tak berani*) bertanya kepada pemberi borang (berdasarkan prinsip *embodiment*, pemberi borang ([dia]) ialah seorang kakitangan pejabat pungutan zakat [PPZ]) kerana [dia] yang tidak mesra/ sompong (berdasarkan frasa [tak senyum] dan kata [eksen]). Pemindahan makna (tidak mesra/sompang) daripada frasa dan kata tersebut telah membawa sekali prinsip lekapan makna kepada frasa [tak berani] sehingga membawa kepada elemen *putus harap* terhadap permohonan tersebut. Kesimpulan yang boleh dibuat, kata [zakat] telah memindahkan maknanya kepada kata [mohon] dan proses tersebut berakhir dengan *putus harap*. Daripada baris konkordans tersebut, dapat difahami bahawa warganet menyuarakan kefahaman tentang berkuburnya harapan untuk mengisi borang permohonan zakat kerana sikap tidak mesra/sompang kakitangan PPZ (isu pengurusan).

Sebagai rumusan, kedua-dua proses dalam analisis iaitu proses pemerolehan dan penganalisisan data yang dijalankan diharap dapat memberi gambaran secara berpada berkaitan sudut pandang dan kefahaman warganet terhadap zakat (permohonan dan saluran bantuan, serta isu kekeliruan makna dan konsep zakat) di Malaysia.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis terhadap 35,000 siaran (hantaran dan komen balas) di Facebook yang mengandungi kata kunci [zakat] dibahagikan kepada dua kategori, iaitu kategori pengurusan zakat dan kategori kekeliruan makna dan konsep zakat.

### [zakat] dan Aspek Pengurusan Zakat

Pemfokusan kepada aspek pengurusan dengan menumpu kepada prosedur menambah baik aspek amalan pengurusan amatlah digalakkan kerana ia dapat membantu melicinkan lagi pentadbiran pengurusan zakat di mana-mana PPZ (Mohd Faisol 2015). Walau bagaimanapun, aspek amalan pengurusan perlu disebarluaskan dengan turut meneliti konteks pandangan khalayak. Penelitian aspek pengurusan tanpa mengambil kira pandangan khalayak yang dianggap penyumbang besar proses tersebut boleh dianggap bersifat berat sebelah kerana aspek pengurusan tersebut hanyalah berkisar kepada keperluan proses pentadbiran, dengan tidak mengambil kira faktor lain yang berkemungkinan mampu menyumbang kepada kelincinan proses pengurusan zakat.

Hasil analisis data dengan penggunaan kata kunci [zakat] yang diekstrak daripada siaran di Facebook mendapati satu isu yang menonjol dan sering disuarakan oleh warganet ialah berkenaan aspek pengurusan zakat. Penelitian terhadap senarai kata yang paling kerap berkolokasi dengan kata kunci [zakat] dalam kategori ini ialah kata [mohon], [proses] dan [kutip]. Sebagai contoh, 10 ayat yang dikemukakan berikut (ayat 1 hingga 10) menggambarkan suara hati warganet yang akan, telah, pernah memohon zakat dari PPZ di kawasan masing-masing, melalui penonjolan kata [mohon]. Kesemua ayat tersebut menyebut tentang pengalaman masing-masing semasa memohon zakat, dan daripada persamaan makna yang dikongsikan, dapat disimpulkan bahawa permohonan zakat ialah sesuatu yang sukar berdasarkan penggunaan kata [ngeri] (contoh 1), [hazabsengsaradunia] (contoh 4), dan [tanya punya banyak] (contoh 6). Dalam kajian ini, kata yang berhuruf tebal ialah kata yang dianggap dapat menjelaskan prosodi semantik bagi kata yang dianalisis (KWIC) iaitu [zakat]. Sementara itu, kata yang berhuruf condong ialah kata yang dianggap sebagai bukti leksikal yang dapat menguatkan hujah hubungan kolokasi KWIC ([zakat]) dengan kata yang dijadikan sandaran untuk menjelaskan prosodi semantik bagi kata [zakat].

1. Tak tau la pulak pengalaman korang, pengalaman aku *ngeri* jugak la kalau nak **mohon \*\*\*zakat\*\*\*** ni.
2. Memang borang **mohon \*\*\*zakat\*\*\*** ni kena *tebal* macam tu ka?
3. Cara dia tanya masa aku nak **mohon \*\*\*zakat\*\*\*** tu, macam aku baru lepas *semelih orang* hahahahaha.
4. Korang pernah **mohon \*\*\*zakat\*\*\*?** Cuba la kalau nak merasa #*hazabsengsaradunia*.
5. Kali pertama nak **mohon \*\*\*zakat\*\*\***. Cuba nasib kot dapat. Ok je kot. Cuma *susah* sikit la prosedur dia.
6. Masa tolong makcik tu isi borang **mohon \*\*\*zakat\*\*\***, kita pulak yang nebes sebab staf tu *tanya punya banyak*.
7. Pernah **mohon** (*\*\*\*zakat\*\*\**). Pernah *menyesal* hahahahaha #donekomen.
8. Aku tak tau dia punya *siasat* nak **mohon \*\*\*zakat\*\*\*** ni macam kita nak minta beli kapriterbang.
9. Team #*mudahkan* urusan **mohon \*\*\*zakat\*\*\***.
10. Tak bagi takpe, tau *susah nak dapat*, tapi yang penting kena **mohon**. duit *\*\*\*zakat\*\*\** juta juta tu.

Contoh ayat 11 hingga 20 pula ialah contoh penggunaan kata kunci [zakat] yang membicarakan isu pengurusan zakat dengan penonjolan kata [proses]. Kesemua contoh yang diberi menggambarkan proses untuk kelulusan permohonan zakat perlu mengambil masa yang lama berdasarkan pengulangan secara kerap kata [tunggu] dan [lama].

11. Lepas isi borang \*\*\*zakat\*\*\* tu kena *tunggu* pulak sebab **proses** dia bukan sikit hari ok.
12. Dah mintak, kena *tunggu* **proses** dia pulak. Duit \*\*\*zakat\*\*\* ni duit bersama, kena faham la.
13. Abah kau la nak *tunggu tunggu*. Asal call je suruh *tunggu*. Berapa lama daaa nak *tunggu* **proses** duit \*\*\*zakat\*\*\* ni.
14. Bukan minta jam 11, jam 11.01 dah boleh dapat dek oooiii... **proses** \*\*\*zakat\*\*\* ni *makan tahun*.
15. Kalau kau tak tahu malu kau *tunggu* la kat pintu pejabat \*\*\*zakat\*\*\* tu masa dorang tengah **proses**.
16. Tentang \*\*\*zakat\*\*\* ni, mintak tak susah mana, cuma isi borang je. Nak **proses** tu yang *lama* katanya.
17. Sapa pernah mintak \*\*\*zakat\*\*\*. Susah tak **proses** dia? Katanya kena *tunggu* lama.
18. Mereka **proses** \*\*\*zakat\*\*\* ni bukan atas kertas je. Mereka semak semua. *Tunggu* la korang.
19. Apa yang depa **proses** sebenarnya sama *lama* sangat? Kata duit \*\*\*zakat\*\*\* juga juta juta. Yang mintak berapa orang ni?
20. Yang kita tak jelas tentang **proses** borang \*\*\*zakat\*\*\* yang *lama* sangat tu. Kalau jelas, mudah faham, ok lah. Bukan nak salahkan sesapa.

Sementara itu, contoh ayat 21 hingga 30 yang dikemukakan memperlihat penonjolan kata [kutip] yang berkolokasi secara kerap dengan penggunaan kata kunci [zakat] untuk pembicaraan berkaitan tugas hakiki PPZ. Paparan contoh yang diberi memperlihat suatu bentuk sindiran mengenai kepakaran PPZ yang dianggap sangat cekap dalam urusan kutipan zakat, namun sebaliknya bagi proses agihan zakat.

21. Korang tengoklah website pejabat \*\*\*zakat\*\*\*, balik balik mereka akan *cerita* pasal prosedur nak **kutip** duit \*\*\*zakat\*\*\*. Bab tu laju sungguh.
22. Pejabat \*\*\*zakat\*\*\* ni memang *kerjanya kutip* duit \*\*\*zakat\*\*\* je ke?
23. Asyik *cerita* pasal **kutip** duit \*\*\*zakat\*\*\* je, bila mereka nak cerita pasal agih duit ni?
24. Setuju. **Kutip** duit nampak sangat *cekap* pejabat \*\*\*zakat\*\*\* ni.
25. Awat depa dok *tayang* pasai **kutip** duit \*\*\*zakat\*\*\* ja la ni?
26. Pakai **kutip** duit \*\*\*zakat\*\*\* bagi *penuh akaun* dulu kot baru nak bedak bedak duit tu.
27. Yolo doh. Mesti *bagi orang tau* untong juta juta **kutip** duit \*\*\*zakat\*\*\*. Hat agih simpan belakang.
28. **Kutip** \*\*\*zakat\*\*\* tu penting, kena *tunjuk kerja*. Nak agih tu kemudian cerita.
29. Bab **kutip** duit \*\*\*zakat\*\*\* memang *kepakanan*. Bab agih tak berapa nak dengar kepakanan.
30. Kalau tak **kutip** duit \*\*\*zakat\*\*\* ribu riban, tak la nampak macam *buat kerja*.

Kesemua 30 contoh ayat yang diberi telah memaparkan suara hati warganet mengenai aspek pengurusan zakat yang ditanggap daripada pengalaman mereka sendiri. Melalui penggunaan kata [mohon], [proses] dan [kutip] yang berkolokasi secara hampir dengan kata kunci [zakat], dan disokong oleh bukti-bukti leksikal yang menguatkan pemahaman makna ayat, maka dapat dikatakan bahawa terdapat warganet yang masih tidak jelas dengan aspek pengurusan zakat.

### **[zakat] dan Pemahaman Konsep Zakat**

Dalam bidang linguistik, khususnya bidang terjemahan, penelitian makna kata pinjaman adalah antara yang paling sukar kerana pemindahan makna tersebut sering kali memerlukan penelitian yang mendalam terutama yang melibatkan aspek sosiobudaya yang berbeza. Oleh hal yang demikian, penjelasan makna konsep tidak hanya boleh melalui penjelasan makna leksikal, sama ada daripada makna bahasa maupun makna literal. Dalam hal ini, Nor Hashimah (2001) mencadangkan agar seseorang ahli leksikografi melibatkan diri dalam dunia

sosiobudaya sesuatu bahasa agar penjelasan makna bagi sesuatu kata yang dihasilkan, dapat menggambarkan bahasa yang “sebenar” – bahasa yang dinamik – sebagaimana yang digunakan dalam bahasa lisan dan tulisan.

Kekeliruan makna bagi kata pinjaman inilah antara satu lagi isu yang sering diutarakan oleh warganet berkaitan zakat. Isu ini boleh diekstrak melalui penggunaan kata kunci [zakat] dengan perincian senarai kata (*wordlist*) yang menjurus kepada pemahaman makna konsep. Hasil penelitian menunjukkan bahawa antara senarai kata yang menunjukkan kekerapan yang tinggi ialah penonjolan kata [konsep] dan [makna] itu sendiri, diikuti oleh kata [asnaf] serta lapan pencirian asnaf iaitu [miskin], [fisabilillah], [al-gharimin], [fakir], [amil], [muallaf], [al-riqab], dan [ibni sabil]. Polemik dan perdebatan tentang isu pemahaman konsep dan makna asnaf, serta siapakah asnaf (seperti konsep miskin, fisabilillah dan al-gharimin) yang dimaksudkan sebagai satu daripada asnaf yang berhak menerima zakat, sering menjadi topik perbincangan. Kesemua hal ini memerlukan penelitian yang mendalam yang boleh dikaji dari sudut pandang lain untuk memberikan kesan yang lebih baik kepada pengurusan zakat sedia ada.

Sebagai contoh, paparan ayat 31 hingga 40 memperlihat sungutan warganet tentang ketidakfahaman dan kekeliruan mereka terhadap konsep asnaf berdasarkan penonjolan kata [konsep] dan [asnaf] yang berkolokasi secara kerap dengan kata kunci [zakat].

31. **Konsep** asnaf ni *korang paham tak* yang dok bebel bebel pasal \*\*\*zakat\*\*\* ni? Aku, setakat tahu sebut je la, konsep sebenar setiap satu tu tak paham.
32. Sebut satu **konsep** asnaf untuk \*\*\*zakat\*\*\* yang ko tau. Aci kerat kaki *payah nak jelas* sebab dia bergantung pada term and condition kot.
33. Bang, **konsep** asnaf yang pej \*\*\*zakat\*\*\* ni sebut, semua ni *bergantung pada how you interprete*. Dia beza antara kawasan.
34. Tak mungkin \*\*\*zakat\*\*\* tu mereka bagi kita kalau kita tak suit dengan **konsep** asnaf yang mereka dah gariskan. *Ke aku salah?*
35. *Salah faham* tentang **konsep** asnaf bagi penerima \*\*\*zakat\*\*\* ni biasa berlaku.
36. *Sama tak konsep* asnaf kat semua opis \*\*\*zakat\*\*\* antara negeri?
37. Buat grafik la untuk **konsep** asnaf ni, *mudah faham* sikit#pej\*\*\*zakat\*\*\* oiii.

38. Macam mana kau nak *faham* tentang \*\*\*zakat\*\*\* kalau **konsep** asnaf tu mereka tulis panjang-panjang, susah susah #mudahkan.
39. *Aku tak tau* ada berapa kategori **konsep** asnaf untuk dapat \*\*\*zakat\*\*\* ni. Beza tak antara negeri?
40. Perlu ke nak ada kategori bagi untuk asnaf ni kalau dah tau orang tu layak dapat \*\*\*zakat\*\*\*? Apa **konsep** dia? Boleh *keliru* macam ni.

Lanjutan daripada ketidakfahaman tersebut menyebabkan satu lagi isu timbul iaitu mengenai makna [asnaf] sebenar. Ada warganet yang mentafsir makna asnaf mengikut kefahaman sendiri sehingga membuatkan salah faham mengenai prosedur permohonan mereka. Kategori ini boleh diteliti berdasarkan pengelompokan penggunaan kata yang memaparkan kekeliruan makna yang berlaku melalui penonjolan penggunaan kata [makna], [operational definition] dan [penerangan].

41. Kalau tengok pada **operational definition** standard mereka, aku rasa la aku ni macam asnaf, layak dapat \*\*\*zakat\*\*\*.
42. Sapa asnaf yang mereka maksudkan boleh dapat \*\*\*zakat\*\*\* ni? Tak jelas **maknanya** la.
43. Mereka senarai dah asnaf ni sapa yang boleh dapat \*\*\*zakat\*\*\* cuma **penerangan makna** tu la kita tak jelas.
44. Macam kena berteka teka pulak **makna** asnaf yang mereka tu cakap boleh dapat \*\*\*zakat\*\*\* ke tak.
45. **Makna** asnaf ni sama tak bagi setiap pejabat \*\*\*zakat\*\*\* kat mana pun?
46. Asnaf kat key el sama tak dengan asnaf kat sabah dari segi konsep \*\*\*zakat\*\*\*? **Blur la makna** dia.
47. Budak budak mengaku asnaf yang dapat \*\*\*zakat\*\*\* tu aku tengok lebih kurang aku je. Tapi aku tak dapat pun. Apa **interpretasi** yang depa guna?
48. Kalau **makna tak jelas**, then kita ngaku kita asnaf, boleh dapat \*\*\*zakat\*\*\* tak?
49. Memang ada **penerangan** pasal asnaf ni kat semua pejabat \*\*\*zakat\*\*\*, tapi semana orang faham tu kena amik kira jugak kot.

50. Macam mana mereka tentukan kau asnaf atau tak untuk dapat \*\*\*zakat\*\*\* kalau mereka pun tak faham asnaf tu apa. Tu **operational definition** mesti ada. Kena mudah.

Kepelbagaiannya pencirian konsep asnaf juga menjadi satu lagi masalah bagi warganet kerana isu ini sering dibahaskan, khususnya daripada aspek pemahaman makna konsep. Daripada lapan pencirian asnaf iaitu [miskin], [fisabilillah], [al-gharimin], [fakir], [amil], [muallaf], [al-riqab], dan [ibni sabil], tiga pencirian konsep asnaf yang sering mencuri tumpuan ialah konsep [miskin], [fisabilillah] dan [al-gharimin]. Daripada pengamatan terhadap data yang diekstrak melalui penggunaan kata kunci [zakat] mendapatkan ketiga-tiga konsep ini tidak difahami sepenuhnya oleh pemohon kerana mereka beranggapan makna leksikal ketiga-tiga kata tersebut bersamaan dengan makna konsep yang diguna pakai oleh PPZ. Hakikatnya, konsep asnaf [miskin] yang digunakan oleh PPZ adalah berbeza berdasarkan penarafan konsep miskin mengikut negeri-negeri di Malaysia (Ahmad Fahme et al. 2014). Berikut disertakan 10 contoh data yang memperlihat kekeliruan makna konsep asnaf [miskin] oleh pengguna Facebook.

51. Macam mana nak tau kita **miskin** ke tak untuk boleh dapat duit \*\*\*zakat\*\*\*? Asal tak ada duit tu miskin kan? Hari hari aku pokai tak ada duit.
52. Siapa yang **miskin** sebenarnya kalau ikut pejabat \*\*\*zakat\*\*\* ni? Miskin ni kira dia macam mana?
53. Kalau takde duit tu dikira asnaf **miskin**, maknanya ramai la yang boleh dapat \*\*\*zakat\*\*\*. Tapi mereka mesti semak dulu borang permohonan kita kalau kita mohon nak tentukan miskin yang macam mana. Begitu kan?
54. Kenapa ada beza kategori miskin. Dah kata **miskin** patut dapat \*\*\*zakat\*\*\*, bagi je la yang nak bagi susah tu dah kenapa? Kutipan kan dapat banyak.
55. Aku dah baca dalam manual PPZ pasal miskin. Keliru wei pasal kategori miskin yang mereka tetapkan. Jadi bukan senang senang nak ngaku **miskin** dan boleh dapat duit \*\*\*zakat\*\*\*. Betulkan pemahaman aku?
56. Apa kaedah yang mereka guna untuk tentukan seseorang tu **miskin** atau tak? Korang rasa kalau dah mampu bawak kereta, pakai hp, rumah ada estro, layak ke dapat duit \*\*\*zakat\*\*\*?

57. ?**Miskin** ni kira asnaf kan? Maknanya boleh la dapat \*\*\*zakat\*\*\* kan? Kenapa aku mintak tapi tak dapat pun? Kompius seyh.
58. Ada miskin bandar. Ada **miskin** kampong. Miskin jb, miskin kl, miskin ipoh, miskin penang, miskin kk. Semua tu kira asnaf ka? Office \*\*\*zakat\*\*\* ada maklumat tak?
59. Kalau semua tumpu pada orang **miskin** untuk dapat \*\*\*zakat\*\*\*, habis dah la kategori asnaf tu kan hahahahahaha tapi hari hari ada je aku tengok orang miskin. Siapa sebenarnya orang miskin ni?
60. Dalam borang, status asnaf **miskin**, isi borang mohon, dapat \*\*\*zakat\*\*\* rezeki dia. Reality pakai iphone 6 bang hahahahahaha. Ini yang keliru pasal status miskin ni. Depa semak status miskin ni macam mana?

Berdasarkan contoh ayat 51 hingga 60 yang dipaparkan, ketidakfahaman dan salah faham mengenai konsep [miskin] yang diguna pakai oleh PPZ boleh difahami melalui persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh warganet semasa mereka mengutarakan isu ini. Malah ada antara warganet yang mempersoalkan ketidakjayaan mereka mendapatkan bantuan zakat kerana berasaskan mereka juga termasuk dalam kategori miskin (contoh 51 dan 57). Selain [miskin], konsep [fisabilillah] juga tidak atau kurang difahami oleh warganet kerana daripada data yang diekstrak melalui penggunaan kata kunci [zakat] mendapat konsep ini turut sering diperkata, dipertikai dan dipersoal kedudukannya. Berikut disertakan 10 contoh ayat yang memerihalkan keadaan ini.

61. Yang aku faham, **fisabilillah** ni yang orang berperang jihad di jalan agama. Agaknya askar askar la kot yang boleh dapat \*\*\*zakat\*\*\* **fisabilillah** ni kan?
62. Ada berapa jenis **fisabilillah** dikira asnaf boleh dapat \*\*\*zakat\*\*\*? Aku rasa yang jenis p perang perang ni kot.
63. Kebanyakan askar ni kehidupan mereka bukan senang sangat. Mereka ni patut la kot dapat dana \*\*\*zakat\*\*\* **fisabilillah** yang pjbt zakat aturkan tu. Betul kan?
64. Kenapa askar yang berperang **fisabililah** kena mohon pulak duit \*\*\*zakat\*\*\* tu? Dah sah sah mereka ni berperang dijalan Allah memertahankan tanah air. Patutnya tiap bulan dapat terus.
65. Ni satu lagi, **fisabilillah** ni asnaf yang pegi perang ke yang boleh dapat \*\*\*zakat\*\*\*? Aku askar kot. Hari hari perang.

66. Aku pernah dengar ustaz cakap budak budak belajar ni dikira berada dijalan **fisabilillah**, pahalanya sama seperti orang berperang. Boleh la kot mereka ni dapat dana \*\*\*zakat\*\*\*. Ke kena mohon jugak?
67. Yang aku tau budak nak masuk u boleh mohon duit \*\*\*zakat\*\*\* kategori **fisabilillah**. Tapi one off je la. Boleh dapat tiap bulan ke? Sebab duit yang kita guna tu hari hari, bukan sepanjang pengajian sekali.
68. Asnaf **fisabillilah** ni macam mana dalam \*\*\*zakat\*\*\*? Budak u pun perang juga ok. Perang buat asaiment. Boleh dapat zakat kan?
69. Sapa sebenarnya **fisabillilah** dalam kategori \*\*\*zakat\*\*\* ni? Kenapa tak guna istilah dalam bahasa melayu je bagi orang mudah faham.
70. Guna istilah Arab memang bagus, tapi kalau sampai orang salah faham nak buat apa. Contohnya konsep **fisabililah** dalam dana \*\*\*zakat\*\*\*. Yang faham geng geng PPZ je la kot. Kami yang buta huruf ni, lagu mana?

Terdapat tiga kategori isu yang sering diperkata, dipertikai dan dipersoal berkenaan data kolokasi \*\*\*zakat\*\*\* dan [fisabilillah] yang ditemui, iaitu berkenaan konsep [fisabilillah] yang dikaitkan dengan askar yang berperang, pelajar dan yang tidak memahami konsep tersebut. Contoh ayat 61 hingga 65 ialah contoh kategori yang membincarkan ketidakfahaman dan salah faham berkenaan konsep [fisabilillah] yang dikaitkan dengan askar yang berperang. Anggapan warganet, askar yang berperang ialah kategori asnaf [fisabilillah] yang layak untuk memperoleh bantuan zakat. Contoh ayat 66 hingga 68 pula ialah contoh anggapan warganet berkenaan perkaitan konsep [fisabilillah] dengan golongan pelajar yang sedang belajar dan dianggap layak mendapat bantuan zakat. Sementara itu, contoh ayat 69 dan 70 ialah contoh ayat yang memaparkan ketidakfahaman warganet tentang konsep [fisabilillah] yang digunakan oleh PPZ.

Contoh ayat 71 hingga 80 ialah contoh data yang diekstrak melalui penggunaan kata kunci [zakat] yang menyerlahkan ketidakfahaman warganet berkenaan konsep al-gharimin. Contoh ayat 71 hingga 76 ialah contoh persoalan yang dilontarkan berkenaan konsep [al-gharimin] yang diguna pakai oleh PPZ sementara contoh ayat 77 hingga 80 pula memaparkan contoh ayat yang seolah-olah memahami konsep tersebut tetapi tidak berasa yakin dengan pemahaman sebenar, sehingga terpaksa meminta kefahaman lebih lanjut daripada warganet yang lain.

71. Yang kena istihar muflis sebab masalah kad kredit dikira asnaf **al-garimen** tak untuk dapat bantuan \*\*\*zakat\*\*\*?

72. Dah berhutang tu kira **al-gharimin** la kan dan boleh dibantu pej \*\*\*zakat\*\*\*? Ke aku salah faham?
73. Hutang yang macam mana yang dianggap **al-gharimin** yang disahkan oleh pejabat \*\*\*zakat\*\*\*? Aku syak bukan semua hutang, tapi aku tak tahu semana benarnya.
74. Memang benar dia berhutang sebab joli katak. Tapi kalau dah sampai tahap nak kena bunoh dengan along pasal tak bayar hutang, tak kan yang ni tak boleh dikategorikan sebagai **al-gharimin** yang boleh dibantu oelh pejabat \*\*\*zakat\*\*\*?
75. Bagaimana kiraan kosenp **algharimin** yang diiktiraf oleh pejabat \*\*\*zakat\*\*\* untuk dapat bantuan? Mesti ada kira-kira untuk memudahkan pemahaman.
76. Andaikan dia berhutang sebab beli perabot pastu tak mampu bayar dan nak kena tarik. Dia ni kategir **algarimin** yang berhutang dan boleh dapat bantuan dana \*\*\*zakat\*\*\*?
77. Kau tak boleh main claim je kau **algarimin** dan kemudian mohon bantuan \*\*\*zakat\*\*\*. Kau kena pegi dulu pejabat zakat untuk proses rundingan. Itu yang aku faham. Betulkan kalau aku salah.
78. Kalau sebegitu mudah mengaku penghutang bertaraf **al-gharimen**, ramai dah yang dapat bantuan \*\*\*zakat\*\*\* di Malaysia ni, terutama budak muda. Tak gitu?
79. Hahahaha ko ingat semua yang berhutang tu al-gharimin ke. Bukan mudah mudah oii nak ngaku **al-gharimin** untuk asnaf \*\*\*zakat\*\*\*. Betul kan?
80. al-gharimin berhutang sebab terpaksa dengan **al-gharimin** sebab hutang kau joli katak, tu dua konsep yang berbeza. Asnaf \*\*\*zakat\*\*\* ni bukan boleh main main. Aku rasa la.

## Rumusan

Sebagai rumusan, kesemua 80 contoh yang dikemukakan telah memaparkan dua isu yang menonjol, yang sering dibincangkan oleh warganet semasa mengupas isu berkaitan zakat. Pertama, isu berkaitan aspek pengurusan zakat menerusi senarai kata yang paling kerap berkolokasi dengan kata kunci [zakat] iaitu kata [mohon], [proses] dan [kutip]. Kedua, isu pemahaman konsep [zakat] menerusi kata [konsep] dan [makna], khususnya yang melibatkan konsep [asnaf] serta tiga

penciriannya yang paling mendapat liputan iaitu konsep [miskin], [fisabilillah] dan [al-gharimin].

Berdasarkan analisis kritis, didapati bahawa kedua-dua isu tersebut telah menyerlahkan persoalan yang besar terhadap kefahaman warganet berkaitan zakat. Rata-rata contoh ayat yang dipaparkan telah menunjukkan bahawa warganet, terutamanya yang berniat memohon bantuan zakat, menghadapi dua kesulitan yang utama. Pertama, kesulitan berkaitan memahami proses dan prosedur permohonan zakat. Mereka beranggapan sepatutnya proses permohonan zakat adalah mudah atau setidak-tidaknya perlu dipermudah untuk membantu lebih ramai pemohon memperoleh bantuan zakat. Kesulitan kedua berkaitan pemahaman konsep-konsep asnaf kerana sebagai pemohon, warganet perlu memahami konsep tersebut untuk membolehkan mereka jelas berkenaan kategori diri mereka sendiri sebagai asnaf.

Perlu diakui, laman sembang maya ialah laman sembang yang terbuka. Bahasa yang digunakan bergantung pada budi bicara mereka sendiri, yang adakalanya unsur kesopanan berbahasa tidak diaplikasikan (Ahmad Fuad et al. 2020). Maka tidak dapat tidak, terdapat contoh ayat yang dipaparkan, dibincangkan secara sinis, menyalahkan PPZ setelah permohonan mereka ditolak. Keadaan ini seolah-olah menyalahkan PPZ, dan beranggapan badan tersebut yang ditugaskan mengurus dana zakat tidak mampu menguruskan dana tersebut sebaiknya. Sekiranya isu ini tidak ditangani dengan baik, ia mampu menimbulkan salah faham sehingga berupaya menjelaskan nama baik PPZ sendiri selaku badan yang bertindak menguruskan dana zakat.

Dapatkan kajian ini boleh dijadikan sebagai suatu agenda pemula kepada proses semak dan imbang (*check and balance*) bagi pentadbiran PPZ di Malaysia dalam memastikan kelincinan pengurusan zakat. Jika sebelum ini, di setiap kaunter pejabat disediakan kotak cadangan yang boleh digunakan oleh pengunjung bagi menyalurkan pelbagai maklumat seperti cadangan atau aduan, kini media sosial seperti Facebook telah mengambil alih tempat tersebut. Apa yang penting, walau sekecil manapun isu yang diutarakan, isu tersebut sangat perlu diambil perhatian demi memastikan pengurusan zakat dapat terpelihara imejnya atas nama Islam. Seperti yang diperkatakan oleh Hamizul (2020), jika hal-hal seperti ini dibicara secara terbuka di media sosial dan dibiarkan berlanjutan, maka ia boleh menimbulkan unsur fitnah, yang akhirnya akan memberikan kesan yang negatif kepada PPZ secara khasnya dan agama Islam secara umumnya.

## KESIMPULAN

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia termasuk Malaysia telah memberi kesan yang bukan sahaja sedikit kepada ekonomi rakyat. Mereka yang terdesak terpaksa mencuba pelbagai saluran untuk meneruskan kelangsungan hidup, dan salah satu daripadanya ialah melalui permohonan perkhidmatan zakat. Penjelasan berhubung dapatan kajian yang menyerlahkan dua isu utama yang dibahaskan daripada perspektif teori prosodi semantik, yang sering dibicarakan oleh warganet semasa mengupas isu berkaitan zakat, iaitu berkaitan aspek pengurusan zakat dan pemahaman konsep zakat, serta konsep-konsep lain yang terkait zakat seperti [asnaf] dan pencirinya, wajar diambil perhatian yang serius. Isu ini mungkin dianggap kecil, tetapi tidak boleh diambil ringan. Metaforanya sangat mudah, “kudis jika tidak dirawat mampu menjadi penyebab kepada barah yang bakal membunuh.”

## PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran CoE Universiti Utara Malaysia dengan kod S/O 13752, diketuai oleh Profesor Madya Dr. Hishamudin Isam.

## RUJUKAN

- Ahmad Fahme Mohd Ali, Mohd Faisol Ibrahim, Muhammad Ridhwan Ab Aziz and Fuadah Johari. 2014. Konsep dan isu had kifayah, kemiskinan bandar dan jantina dalam pengagihan zakat. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society* 8: 1–13. <https://doi.org/10.51200/ljms.v8i.3015>
- Ahmad Fuad Mat Hassan, Khairul Faiz Alimi, Hishamudin Isam and Mashetoh Abd. Mutalib. 2020. Amalan kesantunan berbahasa dalam komunikasi formal dan tidak formal dalam kalangan pelajar universiti. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 36(4): 410–427. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2020-3604-25>
- Ahmad Suhael Adnan. 2021. Dakwaan pusat zakat lambat agih bantuan hanya stigma. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/785754/dakwaan-pusat-zakat-lambat-agih-bantuan-hanya-stigma> (accessed 21 May 2021).
- Awl, D. 2011. *Fb me: A guide to socializing and promoting on Fb*. California: Peachpit Press.
- Azman Ab Rahman and Mursyid Junaidi Mohd Faisal Yeap. 2019. Memperkasa pengurusan agihan zakat di institusi masjid Malaysia: Isu dan cabaran. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 6(2–2): 73–83. <https://doi.org/10.11113/umran2019.6n2-2.384>

- Azman Ab Rahman, Syed Mohd Najib Syed Omar and Siti Zulaikha Mokhtar. 2017. Analisis skim agihan zakat kepada asnaf fi sabilillah mengikut maqasid syariah: Kajian di Selangor dan Negeri Sembilan. *Jurnal Sains Insani* 2: 1–6. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no1.12>
- Boase, J. and T. Kobayashi. 2008. Kei-Tying teens: Using mobile phone e-mail to bond bridge, and break with social ties—A study of Japanese adolescents. *International Journal of Human-Computer Studies* 66(12): 930–943. <https://doi.org/10.1016/j.ijhcs.2008.07.004>
- Carmines, E.G. and R.A. Zeller. 1979. *Reliability and validity assessment*. Beverly Hills: Sage Publications. <https://doi.org/10.4135/9781412985642>
- Creswell, J.W. 2008. *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed method approaches*. 3rd ed. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Evans, V. and M. Green. 2006. *Cognitive linguistics: An introduction*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Fidlizan Muhammad, Salwa Amirah Awang, Mohd Yahya Mohd Hussin and Abdul Majid Tahir Mohamed. 2017. Sorotan perbezaan had kifayah perbelanjaan keperluan asasi dan kesannya dalam pengiraan zakat pendapatan. *Akademika* 87(2): 89–103. <https://doi.org/10.17576/akad-2017-8702-07>
- Hamizul Abdul Hamid. 2020. Zakat terfitnah di media sosial. <https://www.maiamp.gov.my/index.php/info/berita/578> (accessed 15 May 2021).
- Harits Asyraf Hasnan. 2020. Kami senaraikan 9 perkara yang dibualkan rakyat Malaysia sepanjang PKP. Astro Awani, 11 April. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kami-senaraikan-9-perkara-yang-dibualkan-rakyat-malaysia-sepanjang-pkp-237853> (accessed 21 May 2021).
- Izatul Akmar and Amin Che Ahmat. 2019. Strategi e-pemasaran dalam transformasi pemasaran produk usahawan asnaf: Satu cadangan. Paper presented at Kedah International Zakat Conference, Menara Zakat, Alor Setar, Kedah. 5 August.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2020. Laporan survei khas kesan COVID-19 kepada ekonomi dan individu (pusingan 1). [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/conedanmenu\\_id=d3pnMXZ4ZHJjUnpnYjNyUnJhek83dz09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/conedanmenu_id=d3pnMXZ4ZHJjUnpnYjNyUnJhek83dz09) (accessed 25 May 2021).
- Jensen, L.A. and J.J. Arnett. 2012. Going global: New pathways for adolescents and emerging adults in a changing world. *Journal of Social Issues* 68(3): 473–492. <https://doi.org/10.1111/j.1540-4560.2012.01759.x>
- Kanestion, A., M. Kaur, Sarimah Shamsudin, Hishamudin Isam, N. Kaur and G. Singh. 2016. Lexical verbs in Malaysia university English test argumentative essays: A corpus-based structural analysis. *International Review of Management and Marketing* 6(8S): 13–17.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2020. Soalan lazim penyakit Coronavirus (COVID-19). <https://covid-19.moh.gov.my/faqsop/faq-covid-19-kkm> (accessed 23 May 2021).
- Lenhart, A. 2009a. Teens and sexting. 15 December. <https://www.pewresearch.org/internet/2009/12/15/teens-and-sexting/> (accessed 22 May 2021).

- \_\_\_\_\_. 2009b. Teens and mobile phones over the past five years. Pew internet looks back. 19 August. <https://www.pewresearch.org/internet/2009/08/19/teens-and-mobile-phones-over-the-past-five-years-pew-internet-looks-back/> (accessed 22 May 2021).
- Lenhart, A., M. Madden, A. Smith and A.R. Macgill. 2009. *Teens and social media: An overview*. <https://www.pewresearch.org/internet/2007/12/19/teens-and-social-media/> (accessed 21 May 2021).
- Lenhart, A., K. Purcell, A. Smith and K. Zickuhr. 2010. *Social media and mobile internet use among teens and young adults*. <http://pewinternet.org/Reports/2010/Social-Media-and-Young-Adults.aspx> (accessed 21 May 2021).
- Madden, M., A. Lenhart, M. Duggan, S. Cortesi and U. Gasser. 2005. *Teens and technology 2013*. <https://www.pewresearch.org/internet/2013/03/13/teens-and-technology-2013/> (accessed 22 May 2021).
- Madiha Abdullah. 2021. Tak viral, tak dapat bantuan? ‘Log out’ dan lihat sekeliling - Dr Zulkifli. Astro Awani. 4 February. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tak-viral-tak-dapat-bantuan-log-out-dan-lihat-sekeliling-dr-zulkifli-281270> (accessed 30 June 2021).
- Majlis Keselamatan Negara. 2020. SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). <https://covid-19.moh.gov.my/faqsop/sop-perintah-kawalan-pergerakan-pkp> (accessed 30 June 2021).
- Manvender, K., Sarimah Shamsudin, Hishamudin Isam, N. Kaur, G. Singh and A. Kanestion. 2016. The structural linguistics patterns of the written component of the Malaysia University English Test (MUET). *International Review of Management and Marketing* 6 (7S): 330–334.
- Marhanum Che Mohd Salleh and Siti Alawiah Siraj. 2019. Amalan perakaunan zakat di majlis agama Islam negeri terpilih. *Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management* 9(1): 47–66. <https://doi.org/10.58458/ijpnj.v09.01.03.0058>
- Mohd Faisol Ibrahim. 2015. Sistem pengurusan zakat di Malaysia: Analisis strategi penyebaran maklumat menerusi laman sesawang. *Jurnal Pengurusan* 42: 119–130. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2014-42-10>
- Muhsin Nor Paizin. 2014. Zakat ke atas harta emas: Amalan dan pelaksanaan di Malaysia. *Jurnal Pengurusan Jawhar* 8(1): 43–62.
- Nor Fazilah Noor Din and Hishamudin Isam. 2020. Data acquisition via advertising operations (VAO) in Fb. *International Journal of Innovation, Creativity and Change* 14(3): 822–847.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2001. Semantik, pragmatik, dan leksikografi. *Jurnal Bahasa* 1(3): 398–421.
- Nur Nazira Rahim, Hasanah Abd Khafidz and Zulkefli Aini. 2019. Pembelajaran zakat secara atas talian. *Journal of Fatwa Management and Research* 17(2): 185–199. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol0no0.280>
- Raziah Md Tahir and Syarifah Md Yusof. 2014. Status individu muflis dalam asnaf Al-Gharimin. *International Journal of Business and Technopreneurship* 4(3): 477–494.

- Siti Fariza Muhsin, Azman Ab Rahman, Sanep Ahmad and Hairunnizam Wahid. 2016. Kedudukan mangsa banjir sebagai penerima zakat dan cadangan pengaplikasianya di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 8: 54–62. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol8no1.54>
- Siti Saufirah Mohd Tahir, Hairunnizam Wahid and Sanep Ahmad. 2016. Kepatuhan membayar zakat fitrah: Analisis kutipan dan ketirisan pembayaran zakat fitrah di Terengganu. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 7: 64–74. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol7no1.61>
- Sofia Hayati Yusoff, Rosninawati Hussin, Fauziah Hassana and Kasim Ramli. 2018. Keberkesanan media mempromosikan zakat pendapatan sebagai alternatif kepada cukai pendapatan. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 13: 49–58. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol13no1.56>
- Syarifah Md Yusof and Raziah Md Tahir. 2015. Analisis tafsiran asnaf al-gharimin di Malaysia. *International Journal of Management Studies* 22: 81–100. <https://doi.org/10.32890/ijms.22.2015.10461>
- Stewart, D. 2010. *Semantic prosody: A critical evalution*. New York: Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203870075>
- Taylor, J.R. 1995. *Linguistics categorization prototypes in linguistics theory*. Oxford: Clarendon Press.
- Tuten, T.L. and M.R. Solomon. 2017. *Social media marketing*. New Delhi: SAGE Publishing.
- Winters, M.E. and G.S. Nathans. 2020. *Cognitive linguistics for linguist*. Cham: Springer.